

PM ada perincian data ketirisan diesel RM10b

Isu sudah dibawa ke Kabinet, Anwar bertanggungjawab dedah fakta

Laporan Zanariah Abd Mutalib dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mempunyai perincian data dan fakta berkaitan ketirisan diesel sebanyak RM10 bilion seperti didedahkan dalam Belanjawan 2023,

pada 24 Februari lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata isu ketirisan itu sudah dibawa ke mesyuarat Kabinet dan Perdana Menteri memaklumkan beliau mempunyai fakta berkaitan hal itu.

"Jadi, pada sesi Waktu Pertanyaan Perdana Menteri akan datang, beliau sendiri akan jawab berkaitan isu itu kerana fakta berkaitan isu itu sudah dibekalkan dan beliau juga bertanggungjawab untuk mengatakan memang berlaku ketirisan dalam isu diesel berkenaan," katanya ketika sesi penggulungan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2022)



Keratan akhbar BH, 27 Februari lalu.

2023 di Dewan Rakyat, semalam.

Angka tak boleh diterima

Beliau menjawab soalan yang dikemukakan Datuk Rosol Wahid (PN-Hulu Terengganu) berkaitan isu ketirisan subsidi minyak diesel sebanyak RM10 bilion berbanding RM13 bilion yang diperuntukkan

sebelum ini

Rosol meminta Salahuddin untuk menjawab berkaitan isu itu kerana sekiranya benar, hanya RM3 bilion yang dapat dimanfaatkan oleh rakyat dan angka itu tidak boleh diterima.

Sebelum ini, Anwar yang juga Menteri Kewangan mendedahkan wujudnya ketirisan subsidi diesel dengan anggaran hampir RM10 bilion sepanjang tahun lalu.

Kenyataan dalam belanjawan itu memberi gambaran seolah-olah sepanjang tempoh pentadbiran Datuk Seri Ismail Sabri sebagai Perdana Menteri pada 2022, berlaku ketirisan subsidi diesel kira-kira RM830 juta sebelum ini.